



SIARAN MEDIA

KPKT PERKASAKAN PBT MELALUI PERUNTUKAN RM63.3 JUTA BAGI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN BP1 DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT DI NEGERI SABAH

KOTA KINABALU, 25 Julai 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meneruskan siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke negeri Sabah selama dua hari bermula pada hari ini.

KPKT memberikan sepenuh komitmen bagi meningkatkan taraf sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya di negeri Sabah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) mengumumkan peruntukan sebanyak **RM63.3 juta telah disalurkan kepada kesemua 26 PBT di negeri Sabah** bagi tahun 2024. Peruntukan ini adalah untuk pelaksanaan projek BP1 Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) meliputi skop projek infrastruktur, kemudahan awam, sosioekonomi dan keselamatan demi kesejahteraan penduduk setempat.

Selain itu, di bawah peruntukan Inisiatif Belanjawan 2024 oleh Kementerian Kewangan, sebanyak **RM14.1 juta juga telah diperuntukkan untuk semua PBT di negeri Sabah yang melibatkan projek menaik taraf sistem perparitan dan pasar awam serta menyelenggara kolam takungan.**

Bagi tahun 2024, KPKT turut memfokuskan kepada projek-projek menaik taraf tandas awam, pasar awam yang uzur, gerai MADANI dan juga membina kiosk-kiosk perniagaan baharu. Ini jelas membuktikan empat (4) komitmen Kerajaan MADANI dalam membangunkan Sabah melalui peruntukan pembangunan yang diluluskan meliputi pelbagai agensi dan Jabatan di bawah KPKT.

Selain peruntukan pembangunan, KPKT juga turut menyalurkan peruntukan mengurus kepada 26 PBT di Sabah pada setiap tahun melalui Pemberian Geran Tahunan untuk membantu tadbir urus PBT, Pembayaran Sumbangan Membantu Kadar (SMK) iaitu sebagai gantian Cukai Taksiran bagi harta-harta Kerajaan Persekutuan di kawasan PBT dan Bantuan Bayaran Bil Elektrik yang meliputi bayaran lampu jalan dan lampu isyarat di kawasan PBT. Pada **tahun 2023, sebanyak RM85.32 juta telah disalurkan kepada Sabah bagi bantuan peruntukan mengurus** ini.

Bersempena siri lawatan Sentuhan Kasih KPKT pada hari ini, YB KM turut menyaksikan **Majlis Penyerahan Tamu Putatan kepada Majlis Daerah Putatan (MDPTN)**. Majlis penyerahan ini diwakili oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali kepada Pengerusi Majlis Daerah Putatan, Tuan Masawi bin Haji Salleh dan turut disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri II Negeri Sabah, YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam dan Timbalan Ketua Menteri III Negeri Sabah, YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya.

Projek Tapak Tamu Putatan, Sabah ini merupakan projek membina semula pasar tamu di atas tapak baru dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM10 juta. Projek yang dibina dalam tempoh tiga (3) tahun dua (2) bulan bermula pada 17 September 2020 dan telah siap sepenuhnya pada 1 Disember 2023. Ia menyediakan sebanyak 239 lot niaga yang terdiri daripada 24 gerai basah (gerai ikan/makanan laut/ayam/daging), 36 gerai separa kering (sayur dan buah), 172 tapak peniaga sementara dan 7 gerai makan.

Projek ini amat penting bagi menggantikan tapak tamu sedia ada kepada fasiliti baharu yang lebih selesa dan mesra kepada peniaga dan pengguna bagi kemudahan aktiviti perniagaan serta meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat.

Turut hadir bersama ialah Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; YB Ahli Parlimen, ADUN, barisan pengurusan tertinggi KPKT serta pimpinan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Sabah.

KPKT melalui jabatan dan agensi di bawahnya akan sentiasa melaksanakan kerjasama berterusan antara Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga rakyat bagi memastikan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat di negara ini dapat dibangunkan secara holistik dan berdaya huni.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

